

21 kesalahan jalan raya kena mata demerit

BENTONG - Sebanyak 12 kesalahan akan dikenakan mata demerit di bawah Sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (Kejara) yang akan berkuat kuasa sepenuhnya menjelang hujung tahun ini.

Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Liow Tiong Lai berkata, setakat ini pelaksanaannya melibatkan dua kesalahan utama iaitu pelanggaran lampu merah dan memandu melebihi had laju yang dilaksanakan 15 April lalu.

Antara kesalahan akan dikenakan mata demerit adalah membawa lebih muatan, memandu dalam keadaan mabuk, menggunakan telefon bimbit ketika memandu dan tidak memakai tali pinggang keledar.

"Sekarang hanya dua kesalahan sahaja yang dikenakan kerana sistem-sistem JPJ iaitu MySikap kini sedang dinaik taraf yang akan menjadikan 23 kesalahan akan dikenakan mata demerit menjelang tahun ini.

"Saya harap agar orang ramai menyambut baik usaha ini dan mematuhi undang-undang jalan raya bagi mengelakkan berlakunya kejadian tidak diingini," katanya pada idang media selepas merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya Balik Kampung Kali Ke-19 di Padang Tras Bentong, di sini, semalam.

Dalam pada itu Tiong Lai berkata, seramai 3,218 anggota dan pegawai jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) seluruh negara akan ditugaskan untuk kempen keselamatan jalan raya yang bermula 18 Jun lalu sempena perayaan Aidilfitri.

Menurutnya, perkara ini dilaksanakan bagi mengurangkan kemalangan dan kadar kematian di musim perayaan.

"Anggota tersebut juga melakukan pemeriksaan ke atas bas ekspress dan bas persiaran serta motosikal dan kereta yang berhenti di kawasan tersebut dengan melakukan pemeriksaan bagi memastikan kenderaan mereka dalam keadaan baik untuk pulang ke kampung," katanya.

SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 6 | 20 JUN 2017